



KENYATAAN MEDIA

**YB TENGKU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI KEWANGAN**

LAPORAN LAKSANA KE-44

**PELAKSANAAN
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT (PRIHATIN),
PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA) &
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI KITA PRIHATIN (KITA PRIHATIN)**

11 Mac 2021



PENGENALAN

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh,

1. Kita berjumpa lagi di sesi ulasan Laporan LAKSANA ke-44 ini. Seperti biasa, saya harap semua di luar sana mematuhi SOP bagi mengurangkan risiko jangkitan Covid-19.
2. Laporan LAKSANA ke-44 akan didahului dengan ulasan tentang isu semasa dan akan menyentuh status pelaksanaan BELANJAWAN 2021, PERMAI, PENJANA dan KITA PRIHATIN. Status pelaksanaan inisiatif PRIHATIN pula boleh didapati di Lampiran 1, bersama pencapaian pakej PENJANA di Lampiran 2.

ULASAN ISU SEMASA

A. ENAM FOKUS KEMENTERIAN KEWANGAN UNTUK TAHUN 2021

3. Saya ingin sekali lagi membawa tumpuan kita semua kepada #SetahunMalaysiaPrihatin, iaitu tempoh setahun Kerajaan Perikatan Nasional dibentuk. Setahun ini merupakan tempoh yang sukar bagi Kerajaan kerana terpaksa berhadapan dengan pandemik Covid-19. Namun, ini tidak pernah menjadi penghalang atau pematah semangat dalam memastikan kebajikan dan kesejahteraan Rakyat terus terpelihara.
4. Cabaran utama dalam mengurus krisis ini ialah untuk mengimbangi antara keutamaan melindungi nyawa rakyat dan keperluan menjamin kelangsungan hidup. Ke arah itu, Kerajaan telah melancarkan 4 pakej rangsangan ekonomi bernilai RM305 bilion dan 1 pakej bantuan dengan nilai RM15 bilion khusus untuk memastikan kesejahteraan Rakyat,

perniagaan dan ekonomi terjamin. Itu belum lagi mengambilkira pelaksanaan Belanjawan 2021, iaitu belanjawan terbesar dalam sejarah negara dengan jumlah keseluruhan RM322.5 bilion.

5. Namun begitu, peruntukan yang besar sahaja tidak mencukupi, tetapi ia perlu diiringi dengan pemantauan bagi memastikan peruntukan tersebut mencapai matlamat yang ditetapkan. Sehubungan dengan itu, Laksana telah ditubuhkan untuk memantau keberkesanan pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi dan juga Belanjawan.
6. Sehingga kini, antara pencapaian Kerajaan ialah:
 - a. menyelamatkan 2.7 juta pekerjaan melalui Program Subsidi Upah bernilai RM14.4 bilion. Kerajaan juga berjaya mengurangkan kadar pengangguran dari 5.3% pada Mei 2020 ke 4.8% pada Disember 2020.
 - b. Membantu aliran tunai Rakyat melalui program moratorium pinjaman automatik selama 6 bulan dan Bantuan Bayaran Balik Pinjaman Bersasar dengan jumlah moratorium sebanyak RM100 bilion dan Bantuan Bayaran Balik Pinjaman Bersasar sebanyak RM51.5 bilion.
 - c. KDNK juga meningkat lebih kurang 24% di mana KDNK yang dicatatkan pada suku tahun ke-4 2020 ialah RM357.4 bilion berbanding dengan RM289.4 bilion pada suku tahun ke-2 2020. Menurut Bank Dunia, KDNK Malaysia dijangka meningkat pada kadar 5.6% - 6.7% bagi tahun 2021.
7. Bergerak ke hadapan, fokus utama sepanjang tahun 2021 ialah:
 - a. Mencipta 500,000 peluang pekerjaan menerusi Majlis Pekerjaan Negara (MPN);
 - b. Mengutamakan bantuan langsung dan tidak langsung bagi meringankan beban yang dihadapi rakyat. Nasib rakyat perlu lebih terbela, terutamanya bagi mereka yang berada dalam ekonomi tidak rasmi (*informal economy*). Kajian yang dibuat di kawasan PPR mendapati, masih terdapat mereka yang tercicir dari menerima bantuan disebabkan mereka tidak berdaftar dengan mana-mana agensi Kerajaan yang terlibat;
 - c. Memacu proses Pendigitalan Malaysia bagi mencapai objektif Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia dan inisiatif MyDigital;
 - d. Mentransformasi syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) untuk menentukan kembali hala tuju visi dan misi syarikat-syarikat terbabit terutamanya selepas negara dilanda pandemik COVID-19;
 - e. Membantu pemulihan perniagaan sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS); dan
 - f. Mempercepatkan projek yang akan mendorong pemulihan dan pembangunan ekonomi Malaysia.

B. PERKONGSIAN INFRASTRUKTUR 5G UNTUK MENCAPAI TRANSFORMASI DIGITAL

8. Seterusnya, saya ingin mengulas mengenai Transformasi Digital Malaysia yang memerlukan pembangunan infrastruktur digital 5G. Konsep pembinaan infrastruktur 5G akan menggalakkan persaingan berasaskan perkhidmatan di pasaran, di mana syarikat

telekomunikasi kurang terikat untuk melabur dalam infrastruktur 5G dengan modal yang tinggi dan akan lebih menumpukan perhatian pada peningkatan inovasi perkhidmatan dengan kos yang berpatutan.

9. Dengan pengukuhan liputan di seluruh negara, Rakyat dan juga perniagaan akan dapat mengakses aplikasi digital generasi akan datang sebagai sebahagian dari norma baru. Kos yang lebih rendah akan meningkatkan permintaan yang seterusnya akan meningkatkan digitalisasi negara.
10. Semakin banyak negara mula menggunakan 5G termasuk di ASEAN. Kerajaan perlu segera mengambil tindakan bagi mempercepatkan penggunaan 5G supaya kita tidak ketinggalan.
11. Jumlah keperluan pelaburan untuk projek infrastruktur 5G adalah dianggarkan sebanyak RM 15 bilion melibatkan kos infrastruktur serta operasi dan penyelenggaraan tahunan dalam tempoh projek selama 10 tahun. Jumlah kos yang lebih tepat akan dapat dikenalpasti selepas proses tender terbuka yang akan dimulakan tidak lama lagi.
12. Digital Nasional Berhad (DNB) akan menilai pilihan inovatif untuk mewujudkan struktur pembiayaan kos efektif yang boleh digunakan untuk projek infrastruktur seperti ini. Adalah dijangkakan bahawa ia akan dibiayai secara peribadi melalui perjanjian Kerjasama Awam- Swasta.

C. MELONJAKKAN PEMBANGUNAN INDUSTRI & INFRASTRUKTUR PASCA COVID-19

13. Ketiga, saya ingin mengulas mengenai satu majlis menandatangani Perjanjian Jual Beli Tanah di Zon Ekonomi Sempadan Khas (SBEZ) Kota Perdana, Bukit Kayu Hitam, Kedah yang berlangsung pada 10 haribulan Mac di antara syarikat Northern Gateway Free Zone Sdn Bhd, syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan dan Hartalega NSM Sdn Bhd. Ini adalah bagi pembinaan Kompleks Kilang Pembuatan Sarung Tangan Bersepadu. Ia merupakan satu perkembangan pembangunan industri yang mampu menyumbang kepada pemulihan ekonomi negara, selain menjadi penggalak kepada pelaburan-pelaburan besar seumpamanya pasca COVID-19.
14. Dengan nilai pelaburan besar yang telah diluluskan sebanyak RM7 billion, saya berharap projek pelaburan oleh anak syarikat Hartalega Holdings Berhad ini akan menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi yang pesat bagi kawasan bandar sempadan Bukit Kayu Hitam dan sekitarnya. Limpahan kemakmuran daripada pelaburan tersebut juga akan dapat diterjemahkan sebagai satu usaha menjana peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan baharu untuk rakyat, terutamanya di negeri Kedah.
15. Selaras dengan fokus utama Kementerian Kewangan untuk mewujudkan 500,000 pekerjaan, pelaburan ini juga akan mencipta 12,000 peluang pekerjaan selain meningkatkan kemahiran (*upskilling*) sumber manusia dan vendor tempatan.

PENGEKALAN DAN PENJANAAN PEKERJAAN

Tuan-Puan dan Puan-Puan sekalian,

16. Memandangkan telah setahun sejak saya memulakan tugas di Kementerian Kewangan, dan ini merupakan Laporan Laksana yang ke-44, kita telah menukar format laporan untuk ketengahkan 2 tema penting kepada pemulihan dan pertumbuhan ekonomi kita bagi tahun ini iaitu Pengekalan & Penjanaan Pekerjaan, dan juga Pemerkasaan PKS.
17. Saya mulakan dengan inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara atau PENJANA, di mana dari segi **Program Subsidi Upah (PSU) 1.0**, sehingga 26 Februari 2021, iaitu tarikh tutup PSU 1.0, seramai **322,177 majikan dan 2.64 juta pekerja** telah menerima manfaat PSU di bawah PRIHATIN dan PENJANA. Setakat 26 Februari, permohonan subsidi upah yang diluluskan telahpun mencapai nilai **RM12.769 bilion**.
18. Kenaikan tidak berapa banyak berbanding minggu lepas, tetapi kita juga perlu ingat bahawa banyak sektor ekonomi telahpun dibuka semula, namun dengan pematuhan SOP yang ketat dan berdisiplin.

PSU 1.0

Tarikh Setakat	Jumlah Diluluskan* (RM bilion)	Jumlah Pekerja* (juta)	Jumlah Majikan*
26 Februari	12.769**	2.640	322,177
19 Februari	12.764**	2.640	322,177
12 Februari	12.763**	2.640	322,177
5 Februari	12.763**	2.640	322,177
29 Januari	12.757**	2.640	322,177
25 Disember	12.682**	2.640	322,177
27 November	12.524**	2.640	322,177
30 Oktober	12.255	2.639	322,175
25 September	11.930	2.633	321,633
28 Ogos	10.383	2.620	320,440
31 Julai	8.995	2.582	318,258
26 Jun	7.074	2.455	307,518
29 Mei	4.018	2.197	286,338
24 April	1.606	1.452	207,237

*Jumlah kumulatif

** Jumlah majikan dan pekerja kekal pada takat maksima. Namun, pembayaran dibuat secara berfasa dan berterusan untuk memastikan bahawa hanya perusahaan yang layak sahaja menerima subsidi tersebut.

19. Sementara itu, di bawah KITA PRIHATIN pula, kita ada Program Subsidi Upah (PSU 2.0). Setakat 26 Februari, sejumlah RM808.31 juta telah disalurkan kepada 66,591 majikan untuk terus beroperasi dan mengekalkan penggajian bagi 554,876 pekerja.

PSU 2.0

Tarikh Laporan	Jumlah Disalurkan* (RM juta)	Jumlah Pekerja*	Jumlah Majikan*
26 Februari	808.31	554,876	66,591
19 Februari	808.31	554,876	66,591
12 Februari	770.31	534,183	65,398
5 Februari	770.31	534,183	65,398
29 Januari	741.16	518,793	64,345
25 Disember	418.67	420,193	51,022
27 November	239.73	307,420	39,203
20 November	164.26	273,767	34,479

*Jumlah Kumulatif

20. Perkara ketiga di bawah Pengekalan & Penjanaan Pekerja ialah **Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan**: Setakat 26 Februari, seramai **131,568 pekerja** telah berjaya mendapat pekerjaan melalui program ini, berbanding 130,328 pada minggu lepas. Penambahan 1,240 pekerjaan dalam tempoh seminggu mungkin bunyinya tidak besar, namun sikit-sikit, lama-lama jadi bukit, InsyaAllah. Antara industri dan sektor utama yang mengambil pekerja termasuk pembuatan serta perdagangan borong dan runcit. Untuk maklumat lanjut, sila layari (<https://www.perkeso.gov.my/186-penjana/803-program-insentif-pengambilan-pekerja-dan-bantuan-latihan.html>)

Tarikh Setakat	Kategori Rakyat yang Mendapat Pekerjaan				Jumlah*
	< 40 tahun	40 – 60 tahun	Perantis	OKU	
26 Februari	105,871	17,671	7,530**	496	131,568
29 Januari	105,160	17,586	7,534	548	130,328
25 Disember	102,623	17,394	7,417	1,344	128,778
27 November	72,505	11,370	5,808	1,247	90,930
30 Oktober	56,315	8,743	4,724	331	70,113
25 September	34,476	5,456	3,782	284	43,998
28 Ogos	18,354	3,266	2,818	178	24,616

*Jumlah Kumulatif .

** Penurunan berbanding minggu sebelumnya adalah disebabkan sesetengah majikan yang tersilap membuat pemilihan kategori pekerja sebelum permohonan sebenar.

Senarai 5 industri/ sektor pengambil pekerja tertinggi mengikut kategori

Bil.	< 40 tahun	40 – 60 tahun	Perantis	OKU	Keseluruhan
1	Pembuatan	Perkhidmatan Lain	Perkhidmatan Lain	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Pembuatan
2	Perkhidmatan Lain	Pembuatan	Pembuatan	Perkhidmatan Lain	Perkhidmatan Lain

3	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Pembuatan	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal
4	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan
5	Pendidikan	Pembinaan	Maklumat & Komunikasi	Pendidikan	Pembinaan

- 21. Seterusnya, Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran:** Setakat 26 Februari, seramai **136,927 peserta telah diluluskan** (berbanding 136,918 pada minggu sebelumnya) untuk mengambil bahagian dalam program-program yang disediakan. Senarai kursus-kursus yang mendapat permintaan boleh dilihat melalui pautan Kementerian Kewangan. Selain itu, pemohon juga boleh layari laman web agensi-agensi Kerajaan seperti yang dimaklumkan di dalam Laporan bertulis, untuk mendapatkan maklumat mengenai kursus-kursus yang ditawarkan. Bagi mereka yang sedang mencari pekerjaan terutamanya golongan belia, anda semua dijemput menyertai kursus-kursus ini.

Bil.	Kementerian/Agensi	Program / Skim / Inisiatif
1.	Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) (www.penjanahrdf.com.my)	<i>SME Development</i>
		Industrial Revolution 4.0 (IREV4.0)
		<i>Place & Train</i>
		Gerak Insan Gemilang (GIG)
		<i>B40 Development</i>
2.	Kementerian Pembangunan, Usahawan dan Koperasi (MEDAC)	<i>INSKEN Business Training</i>
		<i>Program Micro Connector</i>
3.	Majlis Amanah Rakyat (MARA) (http://penjana.mara.gov.my/)	Modul Khas Penjagaan Kesihatan dan Keselamatan Kebiasaan Baharu
		<i>Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging E-Commerce Bespoke Program (e-entrepreneur) -Training e-Commerce Platform</i>
		<i>Building Capabilities and Providing Jobs Through Competencies / Short Courses Program</i>
		<i>Building Capabilities and Providing Jobs Through Industry Boot Camp</i>

		<i>Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging e-Commerce Bespoke Program (e-entrepreneur) -Bespoke</i>
4.	East Coast Economic Region Development Council (ECER) (https://www.ecerdc.com.my/penjana/Website/index.html)	<i>ETEP Enhanced Train& Place (PENJANA)</i>
5.	Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) (https://www.ncer.com.my/jomkerja_jomniaga/)	JomNiaga@NCER JomKerja@NCER
6.	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)	Pembangunan Kemahiran Komuniti
7.	Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) (https://great.mohe.gov.my)	Program Ekonomi Gig Program Keusahawanan

PEMERKASAAN PKS

Tuan-tuan dan Puan-Puan sekalian,

22. Seterusnya ialah **Pemeriksaan PKS**. Di bawah **PENJANA**, ada beberapa inisiatif yang telah dilancarkan.
23. **Pertama, Pembiayaan PKS PENJANA**: Peruntukan Kerajaan sebanyak RM2 bilion di bawah program ini mengutamakan PKS yang belum pernah mendapat pinjaman daripada bank sebelum ini. Setakat 26 Februari, sebanyak **6,973 permohonan telah diluluskan** dengan **jumlah nilai pinjaman sebanyak RM1.315 bilion, berbanding RM1.258 bilion pada minggu lalu**.

Tarikh Setakat	Permohonan Diluluskan*	Jumlah Nilai Pinjaman* (RM juta)
26 Februari	6,973	1314.6
19 Februari	6,731	1258.5
12 Februari	6,731	1258.5
5 Februari	6,613	1,244.7
29 Januari	6,507	1,231.4
25 Disember	5,764	1,122.1
27 November	5,301	1,085.7
30 Oktober	4,488	965.5
25 September	3,351	795.3
28 Ogos	1,615	426.2

*Jumlah Kumulatif

24. **Kedua, Pembiayaan Mikro Kredit PENJANA di bawah Bank Simpanan Nasional (BSN):** Setakat 26 Februari, sebanyak RM391.9 juta telah disalurkan bagi memanfaatkan 11,708 PKS Mikro termasuk dalam bidang peruncitan dan perkhidmatan. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM28.5 juta, manakala PKS mikro yang mendapat manfaat telah meningkat sebanyak 934.

Tarikh Setakat	PKS Mikro*	Jumlah Disalurkan* (RM juta)
26 Februari	11,708	391.9
19 Februari	10,774	363.4
12 Februari	10,774	363.4
5 Februari	10,774	363.4
29 Januari	10,037	340.0
25 Disember	8,158	282.8
27 November	6,492	227.5
30 Oktober	4,674	167.4
25 September	2,007	73.7
28 Ogos	399	15.2

*Jumlah Kumulatif

25. **Ketiga, Bumiputera Relief Financing (BRF) berjumlah RM200 juta oleh Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB):** Bantuan dana khas ini adalah khas untuk PKS Bumiputera yang terkesan oleh COVID-19, dengan pembiayaan antara RM100,000 dan RM1 juta bagi PKS terlibat. Setakat 26 Februari, dana ini telah disalurkan kepada 641 PKS melibatkan jumlah RM182.8 juta (berbanding 606 PKS dengan jumlah RM173.0 juta pada minggu sebelumnya). Untuk maklumat lanjut, sila layari https://www.punb.com.my/images/photo/BRF/Soalan_Lazim_BRF_FINAL.pdf

PENUTUP

26. Sekian sahaja laporan saya buat kali ini. Sebagai penutup, sekali lagi saya mengingatkan semua agar terus mengikuti SOP dalam menjalani aktiviti ekonomi dan kehidupan harian. Pemulihan ekonomi sebahagiannya disandarkan kepada kemampuan kita untuk memutuskan rantai penularan wabak COVID-19.
27. Dalam pada itu, Kerajaan tidak akan berhenti memberikan sokongan terhadap kapasiti kesihatan awam, dan menjamin kelangsungan perniagaan serta melindungi punca rezeki Rakyat melalui bantuan yang akan diteruskan. Kerajaan tetap akan berusaha melakukan yang terbaik untuk membendung wabak COVID-19 dan memastikan proses pemulihan ekonomi dapat diteruskan.
28. Sehubungan itu, saya ingin menyarankan kepada semua rakyat Malaysia agar mendaftarkan diri masing-masing untuk vaksinasi melalui aplikasi MySejahtera. Ingatlah bahawa ini amat penting untuk kita memastikan agar ekonomi kita mampu pulih dan kembali berkembang, mulai separuh kedua tahun 2021 ini, InsyaAllah.

29. Saya akhiri dengan serangkap pantun:

Daun nipah kajangnya rapat,
Hidangan tamu di Kuala Maran,
Usaha kerajaan untuk rakyat,
Jana ekonomi cipta pekerjaan

30. Sekian, jaga diri dan *stay safe*. Terima kasih.

YB Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz
Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Malaysia
11 Mac 2021

LAMPIRAN 1 - PENCAPAIAN PAKEJ PRIHATIN

MATLAMAT 1: LINDUNGI RAKYAT		
1.	Skim pengeluaran i-Lestari di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	Setakat 26 Februari 2021 , jumlah pengeluaran kumulatif adalah sebanyak RM18.10 bilion dan melibatkan 5.16 juta penerima (tiada perbezaan berbanding minggu sebelumnya). Perancangan persaraan adalah penting dan orang ramai disyorkan untuk menggunakan Khidmat Nasihat Persaraan (Retirement Advisory Service - RAS) yang disediakan oleh pihak KWSP secara percuma untuk tujuan ini. Maklumat mengenai perkhidmatan percuma ini boleh didapati di pautan berikut: https://www.kwsp.gov.my/ms/member/retirement-advisory-service
2.	Elaun Khas Barisan Hadapan (Frontliners Allowance)	a. Setakat 26 Februari 2021, sebanyak RM560.12 juta telah disalurkan berdasarkan 1,617,262 tuntutan (berbanding RM484.85 juta melibatkan 1,453,454 tuntutan pada minggu sebelumnya) yang terdiri daripada doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pembendungan wabak COVID-19. b. Elaun khas ini juga dipanjangkan kepada anggota tentera, polis, kastam, imigresen, bomba, anggota Angkatan Pertahanan Awam serta anggota RELA yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

MATLAMAT 2: SOKONG PERNIAGAAN

3.	Dana Pinjaman Mudah Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) (SME Soft Loans Funds) yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM)	Setakat 26 Februari 2021, jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetuju terima oleh PKS adalah RM11.63 bilion yang akan memberi manfaat kepada 24,628 PKS. Jumlah ini termasuk dana <i>Special Relief Facility</i> (SRF), <i>Automation & Digitalisation Facility</i> (ADF), <i>All-Economic Sector Facility</i> (AES) dan <i>Agrofood Facility</i> (AF). <table border="1"> <thead> <tr> <th>Dana Pinjaman Mudah PKS</th><th>Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)</th><th>Jumlah PKS*</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>26 Februari</td><td>11.63</td><td>24,628</td></tr> <tr> <td>19 Februari</td><td>11.63</td><td>24,628</td></tr> <tr> <td>12 Februari</td><td>11.63</td><td>24,628</td></tr> <tr> <td>5 Februari</td><td>11.63</td><td>24,628</td></tr> <tr> <td>29 Januari</td><td>11.60</td><td>24,613</td></tr> <tr> <td>25 Disember</td><td>11.29</td><td>24,012</td></tr> <tr> <td>27 November</td><td>11.13</td><td>23,711</td></tr> <tr> <td>30 Oktober</td><td>10.87</td><td>23,305</td></tr> <tr> <td>25 September</td><td>10.67</td><td>22,984</td></tr> <tr> <td>28 Ogos</td><td>10.3</td><td>22,440</td></tr> <tr> <td>Julai</td><td>9.6</td><td>21,410</td></tr> <tr> <td>Jun</td><td>8.4</td><td>19,539</td></tr> <tr> <td>Mei</td><td>6.9</td><td>16,833</td></tr> <tr> <td>April</td><td>1.5</td><td>3,636</td></tr> </tbody> </table> <i>*Jumlah Kumulatif</i> Walaupun dana SRF telah dimanfaatkan sepenuhnya, PKS masih boleh memohon skim pembiayaan yang masih tersedia melalui Tabung BNM seperti ADF, AES dan AF. PKS juga boleh mendapatkan pembiayaan lain melalui platform imSME di pautan https://imsme.com.my/portal/bm/ yang boleh membantu dalam membuat padanan pembiayaan yang diperlukan dengan pelbagai penyedia dana untuk PKS.	Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*	26 Februari	11.63	24,628	19 Februari	11.63	24,628	12 Februari	11.63	24,628	5 Februari	11.63	24,628	29 Januari	11.60	24,613	25 Disember	11.29	24,012	27 November	11.13	23,711	30 Oktober	10.87	23,305	25 September	10.67	22,984	28 Ogos	10.3	22,440	Julai	9.6	21,410	Jun	8.4	19,539	Mei	6.9	16,833	April	1.5	3,636
Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*																																													
26 Februari	11.63	24,628																																													
19 Februari	11.63	24,628																																													
12 Februari	11.63	24,628																																													
5 Februari	11.63	24,628																																													
29 Januari	11.60	24,613																																													
25 Disember	11.29	24,012																																													
27 November	11.13	23,711																																													
30 Oktober	10.87	23,305																																													
25 September	10.67	22,984																																													
28 Ogos	10.3	22,440																																													
Julai	9.6	21,410																																													
Jun	8.4	19,539																																													
Mei	6.9	16,833																																													
April	1.5	3,636																																													

LAMPIRAN 2 - PENCAPAIAN PAKEJ PENJANA

MATLAMAT 1: MEMPERKASAKAN RAKYAT																																
1.	Subsidi Pengangkutan Awam MY30	Setakat 26 Februari , sebanyak RM127.74 juta telah disalurkan bagi langganan 751,414 pas bulanan pengangkutan awam tanpa had bernilai RM30 ini, yang disediakan khusus untuk warganegara Malaysia. Seperti yang diumumkan di bawah Belanjawan 2021, inisiatif ini dilanjutkan ke tahun 2021 bagi terus menggalakkan mobiliti dan mengurangkan beban kos pengangkutan awam untuk Rakyat.																														
MATLAMAT 2: MELONJAKKAN PERNIAGAAN																																
1.	Skim Pemulihan Perniagaan TEKUN atau TEKUN Business Recovery Scheme (TBRS) khas untuk PKS Mikro	Dana RM100 juta ini telah mencapai objektifnya dengan memanfaatkan 14,946 PKS Mikro																														
2.	Sokongan Penggunaan Teknikal dan Digital bagi PKS dan Syarikat di Peringkat Pertengahan (MTC).	Setakat ini, RM38.7 juta telah disalurkan kepada 8,584 perniagaan dalam bentuk geran dan pinjaman untuk langganan perkhidmatan digitalisasi. <table border="1"> <thead> <tr> <th>Tarikh Setakat</th><th>Permohonan Disalurkan</th><th>Jumlah Disalurkan* (RM juta)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>26 Februari</td><td>8,584</td><td>38.7</td></tr> <tr> <td>19 Februari</td><td>8,582</td><td>42.0</td></tr> <tr> <td>12 Februari</td><td>8,580</td><td>40.5</td></tr> <tr> <td>5 Februari</td><td>8,577</td><td>31.5</td></tr> <tr> <td>29 Januari</td><td>8,576</td><td>28.5</td></tr> <tr> <td>25 Disember</td><td>5,691</td><td>21.5</td></tr> <tr> <td>27 November</td><td>3,274</td><td>12.0</td></tr> <tr> <td>30 Oktober</td><td>1,134</td><td>6.7</td></tr> <tr> <td>25 September</td><td>439</td><td>1.5</td></tr> </tbody> </table> <i>*Jumlah kumulatif</i>	Tarikh Setakat	Permohonan Disalurkan	Jumlah Disalurkan* (RM juta)	26 Februari	8,584	38.7	19 Februari	8,582	42.0	12 Februari	8,580	40.5	5 Februari	8,577	31.5	29 Januari	8,576	28.5	25 Disember	5,691	21.5	27 November	3,274	12.0	30 Oktober	1,134	6.7	25 September	439	1.5
Tarikh Setakat	Permohonan Disalurkan	Jumlah Disalurkan* (RM juta)																														
26 Februari	8,584	38.7																														
19 Februari	8,582	42.0																														
12 Februari	8,580	40.5																														
5 Februari	8,577	31.5																														
29 Januari	8,576	28.5																														
25 Disember	5,691	21.5																														
27 November	3,274	12.0																														
30 Oktober	1,134	6.7																														
25 September	439	1.5																														
3.	Pembiayaan Sektor Pelancongan PENJANA	Peruntukan Kerajaan sebanyak RM1 bilion bagi PKS dan PKS mikro yang masih terkesan dengan COVID-19. Setakat 26 Februari, terdapat 579 permohonan bagi pembiayaan ini, dan daripada jumlah ini sebanyak 282 permohonan telah diluluskan dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM57.1 juta (tiada perbezaan berbanding minggu sebelumnya). Untuk maklumat lanjut, sila layari https://www.bnm.gov.my/o/covid-19/FAQ%20PENJANA%20Tourism%20Financing_BM.pdf																														

MATLAMAT 3: MERANGSANG EKONOMI		
4.	Sokongan bagi Industri Pertanian dan Makanan	Pembiayaan bernilai RM400 juta telah diperuntukkan bagi golongan petani, peladang dan nelayan. Di bawah skim ini, RM350 juta merupakan peruntukan di bawah Skim Pembiayaan Mikrokredit Agrobank. Sebanyak RM85.1 juta telah disalurkan di bawah skim ini bagi memanfaatkan 7,723 PKS Mikro pertanian . Jaminan makanan (food security) amatlah dititikberatkan di dalam Pelan Penjana dan juga Belanjawan 2021.
5.	Pengecualian 100% duti eksport kepada sektor komoditi	Merangkumi industri berasaskan minyak sawit, bagi merangsang pertumbuhan sektor komoditi dan nilai eksport negara. Inisiatif ini dapat membantu memudahkan para pekebun kecil untuk menjual hasil keluaran mereka kepada kilang-kilang. Nilai pengecualian duti eksport yang berjaya dimanfaatkan oleh industri negara ialah sebanyak RM593.9 juta .
6.	Pengecualian cukai perkhidmatan bagi hotel	Khusus untuk menyokong sektor pelancongan sehingga 30 Jun 2021. Nilai pengecualian cukai yang telah dimanfaatkan oleh pengendali premis penginapan telah mencecah nilai RM1.37 bilion . Antara inisiatif lain bagi menyokong sektor pelancongan merangkumi pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM1,000 ke atas perbelanjaan melancong, serta pengecualian cukai pelancongan sepenuhnya.
7.	Pelepasan cukai jualan bagi kenderaan penumpang:	Insentif cukai jualan ini merangkumi pelepasan 100% bagi kereta pemasangan tempatan (CKD) dan pengurangan 50% bagi model import sepenuhnya (CBU) . Setakat 26 Februari, nilai pelepasan cukai jualan yang telah dimanfaatkan adalah berjumlah RM232.96 juta (tiada perbezaan berbanding minggu sebelumnya). Seperti yang dimaklumkan, Kerajaan telah bersetuju untuk melanjutkan insentif cukai ini sehingga 30 Jun 2021, sebagai langkah untuk terus merancakkan sektor automotif dan aktiviti ekonomi negara. (May consider removing this. Hasn't changed since 5 February.